

E D I S I   T A H U N   B A R U   2 0 2 2

# E-BULETIN

EDISI 9

**Carta  
EB BSN  
Prestasi  
terbaik  
negeri**

8 LANGKAH BINA  
PERNIAGAAN YANG  
MENCURI HATI  
PELANGGAN

**Resolusi  
2022**

7 Azam  
untuk  
tingkatkan  
kesihatan

**AMNI  
WAHYUNI  
ENTERPRISE**  
Usahawan Muda  
EB BSN Selangor



# Kandungan

Resolusi 2022	08
Cerita EB BSN	10
Info Am EB BSN	12
Tip & Panduan	13
Testimoni EB BSN	18
Cegah COVID-19	20
Promosi	22
Program & Aktiviti	21
Peraduan EB BSN	24

16

08



14

10



## Editorial

**PENGARANG**  
Reezwan Omar

**PENOLONG PENGARANG**  
Rohemy Rosslan  
Megat Aizuddin  
Waie Faiz

## PRODUKSI & KREATIF

**PENGARAH KREATIF**  
Ashura Hakim

**FOTOGRAFI / KREATIF**  
Aizat Nor Azam

**WEB**  
Sanny Hisham



“Pelbagai penambahbaikan akan kami buat bagi meningkatkan kualiti e-buletin pada masa akan datang.”

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada Ejen Bank BSN (EB BSN) serta kepada semua pembaca. Syukur Alhamdulillah dengan usaha dan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat, e-buletin EB BSN edisi ke-9 telah diterbitkan dengan jayanya.

Dalam diam tak diam, kita sudah hampir melangkah ke tahun baru dan pastinya memori tahun-tahun sebelum ini merupakan pengalaman yang mematangkan dan boleh dijadikan iktibar untuk kita semua pada tahun baru 2022.

Pandemik COVID-19 memberi impak yang amat besar kepada kehidupan kita antaranya kesihatan mental. Untuk memperbaiki atau menangani masalah ini, kami mengajak semua pembaca untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat seperti melakukan aktiviti riadah, kecergasan dan pengambilan makanan yang seimbang. Ini kerana aktiviti fizikal boleh membantu melegakan tekanan, sementara makanan yang menyihatkan boleh membuatkan badan kita berasa sihat dan cergas untuk menghadapi hari yang mendatang.

Edisi kali ini, kami kongsikan informasi-informasi yang menarik untuk anda jadikan rujukan jalani kualiti hidup yang lebih baik seperti

tip-tip kewangan, perniagaan, dan kesihatan. Semoga informasi ini dapat memberi inspirasi kepada resolusi baru anda untuk tahun 2022.

Kami memilih untuk meraikan kejayaan dan pencapaian usahawan muda dalam kalangan EB BSN iaitu AMNI WAHYUNI ENTERPRISE. Baca kisah menarik usahawan yang berwawasan ini di bawah “Cerita EB BSN” untuk sama-sama kita jadikan motivasi dan aspirasi.

Sebagai pemangkin semangat kami untuk 2022, perancangan untuk penambahbaikan akan kami buat bagi meningkatkan kualiti e-buletin pada masa akan datang. Selamat membaca dan selamat tahun baru 2022!

**Azrul Farique Mustafa  
Ketua Jabatan Perbankan  
Digital BSN**



# Azam untuk tingkatkan kesihatan anda

Apabila tahun baru tiba, diri sendiri mula memikirkan azam baru. Walaupun kajian menunjukkan mereka yang mempunyai azam tahun baru cenderung untuk membuat perubahan, namun azam berkaitan topik kesihatan sangatlah terhad.

Perkara ini menyebabkan setiap individu terpanggil untuk membuat azam yang sama setiap tahun. Bagi membuat perubahan, kami ingin kongsikan sembilan (9) azam yang mempengaruhi tahap kesihatan anda sepanjang tahun 2022.

## #1 Kurangkan duduk dan jalani kehidupan aktif

Tidak dapat dinafikan bahawa mereka yang tidak aktif mudah untuk mendapat masalah kesihatan di samping meningkatkan risiko kematian akibat sesuatu penyakit. Perkara ini telah terbukti melalui kajian oleh pengkaji dari Universiti di Australia yang diterbitkan pada tahun 2016. Azam untuk mengurangkan aktiviti duduk boleh mengubah corak kehidupan anda. Cuba untuk berjalan selama 5 minit pada setiap 1 jam.

## #2 Kurangkan minuman bergula, azam tahun baru yang tampak mudah tapi sukar

Gula sering dikaitkan dengan pelbagai jenis masalah kesihatan seperti obesiti, hati berlemak, penyakit jantung, kerintangan insulin dan gigi berlubang pada kanak-kanak dan orang dewasa. Perkara ini telah dibuktikan melalui pelbagai kajian saintifik. Walaupun adalah lebih baik jika anda boleh berhenti secara serta-merta, namun untuk peringkat awal, anda boleh kurangkan kekerapan pengambilan minuman bergula.

**#3 Dapatkan tidur yang lebih berkualiti untuk kesihatan fizikal dan mental** Semua orang tahu bahawa tidur adalah elemen penting dalam kelanjutan usia. Mereka yang mempunyai corak tidur yang tidak berkualiti berisiko mengalami pelbagai jenis masalah kesihatan. Sebagai contoh, kajian menunjukkan mereka yang tidak mendapatkan jumlah jam tidur seperti yang disarankan berisiko untuk mengalami kenaikan berat badan, masalah jantung dan kemurungan. Pastikan anda tidak menggunakan peranti elektronik sejam sebelum tidur bagi mendapatkan tidur yang lebih berkualiti.

## #4 Kenal pasti aktiviti fizikal yang anda minati

Setiap awal tahun baru, jumlah pembelian

bagi produk seperti keahlian gim, studio bersenam dan program turunkan berat badan dalam talian meningkat. Ia menunjukkan bahawa setiap individu mempunyai hasrat untuk hidup lebih sihat daripada tahun sebelumnya. Namun, seperti kebanyakan azam yang lain, hasrat untuk hidup sihat boleh jadi tidak kesampaian memandangkan kebanyakan individu tidak meminati aktiviti yang didaftarkan. Mereka cuma terikut-ikut dengan trend semasa bagi memenuhi azam tahun baru mereka. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, anda seharusnya memilih aktiviti fizikal yang anda minati. Tidak semestinya anda perlu pergi ke gim untuk kurus.

**#5 Menjelang tahun baru 2022, luangkan masa yang lebih untuk penjagaan diri** Ia bukan satu tindakan yang mementingkan diri sendiri. Malah tahap kesihatan anda meningkat jika anda mengamalkan tip penjagaan diri yang betul. Jika anda seorang yang sangat sibuk, anda perlu merancang jadual anda sebaiknya. Pastikan anda mempunyai slot masa yang dikhushuskan untuk penjagaan diri seperti bersiar-siar, tidur atau bermeditasi.

## #6 Hadkan masa dengan peranti elektronik

Ramai individu yang mempunyai tahap kebergantungan tinggi terhadap peranti elektronik. Walau bagaimanapun, banyak kajian menunjukkan tabiat tersebut, terutamanya jika anda sering menggunakan media sosial, boleh menyebabkan masalah kemurungan, keresahan dan kesunyian. Bersempena dengan tahun baru, mungkin sudah tiba masanya anda memutuskan hubungan dengan peranti elektronik demi kesihatan fizikal dan mental.

## #7 Elakkan makanan ringan dan belajar memasak di rumah

Makanan ringan mengandungi gula dan lemak trans yang sangat tinggi. Perkara ini boleh menyebabkan masalah obesiti dan penyakit kronik. Oleh sebab itulah setiap individu perlu belajar memasak sendiri. Kajian yang dijalankan oleh Universiti Newcastle pada tahun 2017 menunjukkan individu yang makan masakan dirumah 5 kali seminggu boleh menikmati penurunan risiko sebanyak 28% untuk mendapat masalah berat badan berlebihan. Cuba masak sehari sekali, tingkatkan kekerapan sehingga anda tidak lagi bergantung kepada makanan segera.

# Dugaan adalah rencah perniagaan

Kami telah mula menjalankan perniagaan runcit AMNI WAHYUNI ENTERPRISE sejak September 2013 iaitu ketika kami berumur 26 tahun dan 24 tahun. Pada awalnya perniagaan ini milik sepupu, tetapi kami telah mengambil alih perniagaan ini. Dengan bermodalkan pengalaman sebelum ini dan tunjuk ajar daripada sepupu, kami mengatur langkah kami untuk memajukan perniagaan runcit ini. Dan pada awal tahun 2014, kami membuat keputusan untuk menjadi EB BSN bagi menambah perkhidmatan yang boleh kami tawarkan kepada komuniti.

Antara matlamat utama perniagaan kami adalah untuk memudahkan komuniti mendapatkan keperluan serta memudahkan komuniti setempat untuk mendapatkan perkhidmatan perbankan dengan mudah dan cepat. Kami percaya setiap rezeki yang diperoleh adalah kurniaan Allah S.W.T. Kami juga



**En. Mohamad Saufi  
& Pn. Fatin Izzati Syazwani  
Pemilik AMNI WAHYUNI  
ENTERPRISE**

**“Menjadi seorang usahawan banyak mengajar kami untuk menjadi lebih matang dalam membuat keputusan.”**

percaya untuk mencapai kejayaan, kami perlu berusaha keras, sabar dan ikhlas dalam semua perkara yang kami lakukan. Berpegang kepada kata-kata “kegagalan bukan penghalang tetapi satu peluang untuk lebih berjaya pada masa akan datang” membuatkan kami lebih bersemangat untuk meneruskan perniagaan ini.

Seorang usahawan perlu cekal dan kuat semangat untuk menghadapi segala cabaran yang datang. Perlu berusaha untuk menjadikan cabaran sebagai peluang. Selain itu, perlu sentiasa bijak mencari peluang dan bersaing secara sihat. Kesabaran yang tinggi juga perlu ada dalam diri usahawan kerana tanpa kesabaran, sesebuah perniagaan tidak dapat bertahan lama. Sebelum menjadi EB BSN, walaupun kami ada menawarkan perkhidmatan pembayaran bil utiliti, pelanggan masih ragu-ragu memandangkan kurangnya publisiti terhadap perkhidmatan tersebut.

Selepas menjadi EB BSN pada tahun 2014, ternyata dengan jenama BSN yang sudah gah, pelanggan lebih yakin untuk datang dan membayar bil di premis perniagaan kami.

Menjadi usahawan banyak mengajar kami untuk menjadi lebih matang dalam membuat keputusan dan cuba meramal apa yang bakal berlaku dan sentiasa bersedia untuk menghadapi kesan terhadap keputusan yang telah dilakukan.

Pesan saya kepada semua usahawan dan juga EB BSN, buatlah iklan sekerap mungkin dan jangan lupa untuk berikan senyuman setiap kali pelanggan berurus dengan kita. Layanan yang baik kepada pelanggan secara tidak langsung akan memberi satu pengalaman yang tidak dapat mereka lupakan. Harungilah setiap dugaan dan rintangan yang dihadapi kerana itu merupakan “rencah dalam perniagaan”. Pada setiap dugaan itu merupakan satu pengorbanan yang harus dibayar untuk mencapai satu kejayaan di masa hadapan.

**“Buatlah iklan sekerap mungkin dan jangan lupa untuk berikan senyuman setiap kali pelanggan berurus dengan kita.”**

# Carta EB BSN prestasi terbaik negeri

## EB BSN

Terengganu – ANZ Berkat Maju	Sabah – Jom Singgah Jericho
Johor – MyBill Sdn Bhd (Nusa Bistari)	Sarawak – Serena Enterprise
Pahang – Basharuddin Ent	Melaka – Wise Office Supplies
Perak – SSC Digital Photo	Negeri Sembilan – Yasri Bin Bakri
Kelantan – Hazri Telecommunication	Selangor – RNF Enterprise
Pulau Pinang – Mohd Nadzri Othman	Kuala Lumpur – Le Myra Enterprise

**Kedah - 75 TC Smart Enterprise**

Nota: Prestasi terbaik mengikut negeri berdasarkan jumlah transaksi terbanyak.

## Perkara yang perlu dielakkan sebagai EB BSN

EB BSN dinasihatkan supaya berhati-hati dalam menjalankan urusan yang dijalankan. Sentiasa membuat semakan sebelum dan selepas melakukan transaksi. Ini dapat mengelakkan daripada melakukan perkara-perkara seperti yang tersenarai dibawah:

1.

### Memanipulasi untuk mendapatkan lebih komisen

- Peningkatan pembelian eSSP dalam nilai yang kecil.
- Peningkatan deposit tunai ke dalam akaun GIRO / Giro-i.



2.

### Kesilapan pembayaran bil

- Urusan tidak dilakukan di hadapan pelanggan.
- Salah kunci masuk amanu.
- Salah pilih organisasi.
- Salah kunci masuk no. rujukan 1.
- Gagal mengambil tunai pelanggan.



3.

### Kesilapan melakukan jenis transaksi

- Melakukan kesilapan jenis transaksi yang hendak dilakukan oleh pelanggan.



4.

### Resit tiada tandatangan

- Bagi transaksi pengeluaran, pembukaan akaun dan tanpa tunai.



5.

### Tidak mematuhi panduan BNM dan Perjanjian Pelantikan

- Terminal P.O.S tiada di premis perniagaan semasa waktu operasi.
- Membawa keluar terminal P.O.S.



**Sokongan Operasi** Sekiranya EB BSN mengalami sebarang masalah berkenaan transaksi (berjaya/gagal), masalah terminal P.O.S atau lain-lain berkenaan perkhidmatan EB BSN, mohon berhubung terus dengan talian helpdesk kami.



**EB BSN Helpdesk** 1-800-88-5220    **Khidmat Pelanggan** 1-300-88-1900

EB BSN boleh membantu pelanggan untuk memahami proses dengan lebih baik ketika berurusan di premis. Berikut adalah tip yang boleh dikongsikan kepada pelanggan bagi memastikan mutu perkhidmatan yang lebih baik.

## Perkara Yang Patut Dan Tidak Patut Dilakukan Oleh Pelanggan



### Perkara yang patut dilakukan

- Pelanggan melakukan transaksi untuk dirinya sendiri dan bukan bagi pihak lain.
- Pelanggan memberitahu BSN untuk sebarang kesalahan ejen yang mengenakan yuran kepada pelanggan dan ejen mengenakan sebarang syarat sebelum melakukan transaksi
- Pelanggan menghubungi BSN untuk pertanyaan atau aduan mengenai ejen dan urus niaga
- Berurusan di premis perniagaan ejen sahaja. Premis perniagaan ejen mesti mempunyai papan tanda institusi kewangan dan memiliki sijil ejen yang sah
- Pastikan resit yang diterima dikeluarkan oleh mesin sah BSN sahaja
- Periksa resit "salinan pelanggan" untuk memastikan jumlah penerimaan sama dengan transaksi sebenar yang dilakukan sebelum meninggalkan premis ejen
- Simpan resit transaksi (salinan pelanggan) sebagai bukti transaksi walaupun transaksi tersebut gagal sebelum meninggalkan premis ejen
- Melakukan transaksi dengan ejen sah sahaja



### Perkara yang tidak patut dilakukan

- Pelanggan berkongsi butiran akaun atau membenarkan pihak ketiga menyalahgunakan akaun
- Pelanggan menerima resit yang dikeluarkan secara manual oleh ejen
- Pelanggan membenarkan ejen menyimpan resit salinan pelanggan
- Pelanggan membayar sebarang yuran atau caj terus kepada ejen
- Pelanggan melakukan transaksi dengan ejen yang tidak sah
- Kelewatan pelanggan memberitahu institusi kewangan untuk sebarang pertikaian transaksi
- Memberi pinjam kad ATM, bagikan Nombor PIN dan dedahkan baki akaun kepada orang lain, termasuk ejen
- Berurusan dengan ejen di luar premis perniagaan ejen
- Menjalankan urus niaga semasa sistem tidak berfungsi dan mesin tidak dapat mengeluarkan resit yang sah



**Salah kunci masuk bagi bayaran bil oleh EB BSN.**

Setiap pembetulan akan dirujuk kepada "Billers" berdasarkan Standard Operating Procedure (SOP). Kejayaan pembetulan bergantung kepada maklum balas diterima daripada "Billers". Setiap kos kecuaian akan ditanggung oleh EB BSN.

# 8 Langkah bina Perniagaan yang Mencuri hati Pelanggan

Sebagai pemilik perniagaan, berhadapan dengan pelanggan adalah satu tugas yang wajib. Tidak kira lah apa jenis perniagaan atau misi dan visi syarikat anda, anda perlu tahu bagaimana untuk menjaga hati pelanggan anda.

1

**Cari tahu** “Apa yang menjadi demand dan trend kesukaan orang sekarang, sebelum nak mulakan perniagaan”



Dalam perasaan kumpulan kecil pelanggan yang anda dah bina. ⑤

Sentiasa cari tahu apa yang mereka inginkan.

6



**Release-kan stres mereka dalam perjalanan untuk mereka mencapai impian mereka.**

Contoh: Anda penjual tudung. Melalui pertanyaan anda kepada kumpulan kecil pelanggan tadi, anda dapat tahu mereka stres tudung berbulu. Jadi, kongsikan dengan mereka cara nak cuci tudung agar tidak berbulu.

2

**Cari pelanggan sasaran dalam jumlah yang kecil dan fikirkan,**

“Macam mana saya nak buat supaya mereka boleh rasa apa saya jual ni satu keperluan dan berbaloi”

**Timbulkan cerita untuk mereka tertarik nak dengar.** ③

Contoh: Anda buat perniagaan jual kop. Ramai penjual kop seperti anda. Fikirkan apa uniknya kop anda hingga layak menjadi sebutan pelanggan kecil yang anda dah bina tadi.

**4 Bina kepercayaan kumpulan kecil pelanggan anda.**

Jaga mereka sebaiknya dan sentiasa engage dan berhubung dengan mereka.



Fikirkan bagaimana agar kumpulan kecil sasaran pelanggan anda itu sebarkan ‘cerita perniagaan anda’ dengan rela hati.

Mungkin esok disebabkan mereka, muncul seorang pelanggan baharu. Lusa muncul lagi seorang dan begitulah hari seterusnya.

8

**Sentiasa ada dengan mereka dan sentiasa menyantuni mereka dengan kerendahan hati.**

# 5 Nasihat Untuk Mencapai Matlamat Kewangan

## #1 Tetapkan Matlamat Utama.

"Kalau kita gagal untuk merancang, kita merancang untuk gagal", seringkali kita dengar ayat ini bukan? Cuba bayangkan anda bermain bola sepak, tapi tak tahu kat mana nak jaringkan gol.

Selagi anda tidak mempunyai matlamat yang jelas, selagi itulah anda tidak tahu hala tuju anda. Begitu juga halnya berkaitan kewangan. Berapa nak simpan dalam masa 6 bulan? Setahun? Berapa sasaran pelaburan anda untuk tempoh setahun? 5% ke 10% ke 20%?

## #2 Tetapkan Matlamat Dan Bukan Hajat.

Ramai orang berhajat akan sesuatu, contohnya nak sebuah rumah kondominium atau sebuah kereta mewah. Tetapi hajat tersebut sebenarnya adalah satu matlamat tanpa sebarang perancangan.

Kalau ada rezeki lebih, dapatlah beli rumah atau kereta tadi. Sebab itulah kita kena ada matlamat yang jelas, dengan *action plan* untuk mencapai matlamat tersebut. Bila dah ada perancangan yang terperinci, barulah anda boleh fokus untuk mencapainya.

## #3 Raikan Pencapaian

**Walaupun Kecil.** Bila dah ada matlamat tersebut, anda perlu raikan pencapaian-pencapaian kecil sepanjang usaha untuk mencapai matlamat. Sebagai contoh, anda sasarkan untuk menyimpan RM12,000 setahun, tapi baru enam bulan dah capai RM9,000 iaitu 75% daripada sasaran.

Bolehlah pergi makan besar ke bercuti ke bawa seisi keluarga untuk meraikan kemenangan kecil ini.

## #4 Mula Dengan Pengakhiran Dalam Minda

Cuba bayangkan dalam fikiran, saat anda berjaya capai matlamat kewangan yang telah anda tetapkan. Kita semua ada halangan dankekangan masing-masing, jadi apa sahaja situasinya; tulis halangan dan cara untuk atasinya. Sebagai contoh, anda sedang bekerja full-time dan ingin menambah pendapatan dengan membuat kerja freelance. Dalam sehari, anda mampu mendedikasikan empat jam untuk kerja freelance tersebut dengan pendapatan tambahan sebanyak RM800 sebulan.

Jangan mengada-ngada pula nak tetapkan matlamat untuk kerja lapan jam buat freelance dengan pendapatan RM1,600 sebulan, habis tu bila nak ada masa untuk berehat dan luangkan masa dengan keluarga? Lebih baik untuk jadi seorang yang realistik, atau anda akan kecewa.

## #5 Beri Tahu Semua Orang

Bila dah ada matlamat kewangan yang lengkap dan terperinci, cuba beritahu orang ramai. Bagaimana ianya dapat membantu?

Anda akan lebih bersemangat untuk mencapat matlamat kewangan yang telah anda tetapkan. Ini kerana anda ingin buktikan kepada orang ramai bahawa anda bukan main-main, sebaliknya serius untuk mengubah hidup.



# Amaran keselamatan!



Berwaspada terhadap sindiket Akaun Keldai. Elak daripada menjadi mangsa. Pastikan maklumat peribadi anda sulit dan selamat terutama nombor Akaun, PIN, TAC dan kata laluan anda. Berhati-hati apabila anda melakukan perbankan dalam talian untuk mengelak daripada menjadi mangsa penipuan.

Sebagai langkah berjaga-jaga, sila semak terlebih dahulu status akaun bank atau nombor telefon sebelum membuat sebarang transaksi dalam talian dalam laman "Semak Mule"

**<http://semakmule.rmp.gov.my>**  
untuk kepastian.

**“Peluang menjadi  
EB BSN sangat  
memberi impak  
kepada perniagaaan  
saya kerana  
perkhidmatan yang  
ditawarkan adalah  
perkhidmatan yang  
sangat penting  
selain memudahkan,  
cepat dan  
menjimatkan masa.”**

**EB BSN ANZ Berkat Maju**


**EB BSN ANZ Berkat Maju,  
Terengganu**

“Peluang menjadi EB BSN sangat memberi impak kepada perniagaan saya kerana perkhidmatan yang ditawarkan adalah perkhidmatan yang sangat penting selain memudahkan, cepat dan menjimatkan masa”




**EB BSN Hazri  
Telecommunication,  
Kelantan**  
**“Pelanggan sangat berpuas hati** dan amat menghargai perkhidmatan EB BSN ini kerana mereka tidak perlu beratur panjang seperti berurusan di tempat lain yang berhampiran”


**EB BSN MyBill Sdn Bhd  
(Nusa Bistari), Johor**

**“Pelanggan semakin ramai** datang ke premis kami dan memudahkan penduduk untuk membuat transaksi



**EB BSN Le Myra  
Enterprise,  
Kuala Lumpur**  
**“Hasil perniagaan saya semakin meningkat** kerana ramai pelanggan yang datang ke premis perniagaan saya dan secara tidak langsung perniagaan saya lebih dikenali penduduk setempat.”


**EB BSN Wise Office  
Supplies, Melaka**

“Perkhidmatan EB BSN memudahkan urusan masyarakat setempat. Tidak semua orang mudah untuk pergi ke cawangan bank yang jauh untuk buat urusan perbankan.


**EB BSN SSC Digital  
Photo & Communication**

**“Pelanggan bertambah dan perniagaan semakin maju.** Saya dapat membantu penduduk setempat terutamanya warga tua untuk membuat urusan pembayaran bil, tambah nilai prabayar dan deposit tunai.



**EB BSN RNF Enterprise,  
Selangor**  
**“Perniagaan saya menjadi tarikan penduduk kampung** kerana sambil mereka membeli barang keperluan, dalam masa yang sama mereka juga membuat pembayaran bil, tambah nilai prabayar, pengeluaran tunai dan sebagainya”


**EB BSN Jom Singgah  
Jericho, Sabah**

“Sejak menjadi EB BSN, perniagaan saya menjadi lebih baik dan berkembang maju disebabkan ramai pelanggan yang menggunakan perkhidmatan EB BSN.”


**EB BSN Yasri Bin Bakri,  
Negeri Sembilan**

**“Semakin ramai pelanggan yang datang ke premis perniagaan saya** untuk membuat pembayaran bil dan transaksi perbankan.


**EB BSN Basharuddin Ent,  
Pahang**

“Ramai pelanggan datang ke premis perniagaan saya untuk buat urusan pembayaran bil sambil membeli barang keperluan di kedai saya. **Secara tidak langsung menambah pendapatan untuk perniagaan saya.**”


**EB BSN Serena  
Enterprise, Sarawak**

“Perniagaan saya mula dikenali ramai dan telah **meningkatkan hasil jualan.**”

**Testimoni EB BSN**

Sekiranya anda mengalami sebarang reaksi atau gejala alahan selepas suntikan dos penggalak vaksin COVID-19, dapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan.

# Elakkan aktiviti fizikal berat selama satu minggu selepas vaksinasi COVID-19.

**COVID-19 #KitaMestiMenang**

**DOS PENGGALAK VAKSIN COVID-19**

**PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN SELEPAS SUNTIKAN DOS PENGGALAK**

Lapor ke dalam aplikasi MySejahtera sekiranya mengalami sebarang reaksi/gejala alahan (AEFI) selepas suntikan.

Datang ke klinik atau hospital berdekatan sekiranya mengalami reaksi/gejala yang teruk.

Elakkan aktiviti fizikal berat selama satu minggu selepas vaksinasi COVID-19.

**Putuskan Rantaian COVID-19**


Kemaskini: 26/11/2021













Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia



## Skim Mikro Kredit **PEMERKASA**

Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi

Menyokong Kelangsungan Perniagaan Anda

Pembayaran sehingga  
**RM50,000**

Kadar  
Keuntungan  
**3.00%**  
(asas baki bulanan)

Tempoh pembayaran:  
Antara **1-5.5 tahun**  
termasuk 6 bulan  
moratorium (rehat  
bayaran) bagi pembayaran  
ansuran bulanan

Menawarkan empat (4) skim pembayaran:

**BSN Micro/i PEMERKASA**

**BSN Micro/i PEMERKASA-NITA**

**BSN Micro/i PEMERKASA MAMPAN**

**BSN Micro/i PEMERKASA BELIA**

Gambar sekadar ilustrasi  
Tertakluk pada terma dan syarat

Pelbagai produk dan kempen menarik yang ditawarkan oleh BSN. Antaranya adalah Skim Mikro Kredit PEMERKASA, Geran Perbadanan dengan Inisiatif Pendigitalan PKS, kempen kad kredit, kempen DuitNow dan banyak lagi!

Sebagai EB BSN, kami sangat menghargai sekiranya anda dapat sebarkan informasi produk dan kempen ini kepada pelanggan. Anda juga boleh memohon dan menyertai kempen yang ditawarkan oleh BSN.

**Tekan pada setiap gambar di bawah untuk ketahui maklumat lebih lanjut.**

**Skim Mikro Kredit PEMERKASA**  
Menyokong Kelangsungan Perniagaan Anda

Pembayaran sehingga **RM50,000** | Kadur Keuntungan **3.00%** (tanpa baki bulanan) | Tempoh perincangan **1 hingga 5 tahun** termasuk 6 bulan moratorium (tidak bayaran) bagi pemohonan pertama kali

Menawarkan empat (4) skim pembayaran:  
**BSN Micro/i PEMERKASA** | **BSN Micro/i PEMERKASA-NITA**  
**BSN Micro/i PEMERKASA MAMPAH** | **BSN Micro/i PEMERKASA BELIA**

Klik untuk mendapat maklumat lanjut  
Gantikan maklumat ini dengan 'Tempoh' pada halaman anda.

**Dapatkan Geran Padanan sehingga RM5,000 dengan Inisiatif Pendigitalan PKS**

Penerusi | Dengan kerjasama

Klik untuk mendapat maklumat lanjut  
Terkunci pada tarikh dan sistem.

**Tebus dengan Happy dan dapatkan ganjaran**  
Daftar dan tebus Happy Points melalui [www.bsnhappyrewards.com.my](http://www.bsnhappyrewards.com.my) untuk peluang memenangi lebih Happy Points!

<b>HADIAH MINGGUAN</b>	
Daftar Akun Anda	Pembelian Mata Ganjaran
<b>500 x 10,000 Happy Points</b>	<b>100 x 20,000 Happy Points</b>

Tempoh kempen: 15 November 2021 – 28 Februari 2022  
Klik untuk mendapat maklumat lanjut  
Gantikan maklumat ini dengan 'Tempoh' pada tarikh dan sistem.

**Hadiah bernilai sehingga RM80,000 menanti anda jika anda mendaftar DuitNow ID hari ini!**

Tempoh kempen: 15 Oktober 2021 – 15 Mac 2022  
Klik untuk mendapat maklumat lanjut  
Gantikan maklumat ini dengan 'Tempoh' pada tarikh dan sistem.



S&S Service & Suppliers  
PS BATU 1 JALAN SEMENYIH



Tahniah!  
Pemenang  
Hadiah pertama  
BSN SSP RM300!  
Ss service  
& suppliers



• Pemenang  
• Peraduan  
• Swafoto Bersama  
• Jalur Gemilang

Tahniah dan terima kasih kepada semua yang telah menghantar penyertaan mereka untuk peraduan swafoto bersama Jalur Gemilang pada edisi buletin yang lepas. Sambutan amat memberangsangkan dan kami gembira dapat berkongsi saat ini bersama anda!

Pemenang tempat pertama akan menerima BSN SSP RM300, pemenang tempat kedua akan menerima BSN SSP RM200, dan pemenang tempat ketiga akan menerima BSN SSP RM100.

Hadiyah-hadiyah akan diberikan kepada semua pemenang dalam masa terdekat.



TAHNIAH! Pemenang Ketiga EB BSN Pusat Komuniti, Kg. Sg. Leman



TAHNIAH! Pemenang Kedua EB BSN Aifa Nusantara

Hasilkan video TikTok  
yang menarik dan  
berpeluang memenangi  
BSN SSP sehingga RM300!



## Tik Tok CHALLENGE

Serlahkan bakat dan kreativiti anda dengan menghasilkan video yang menarik dan masukkan ke dalam aplikasi TikTok.

**Tiga (3) peserta** yang menghasilkan video paling menarik berpeluang memenangi BSN SSP bernilai sehingga RM300!

1  
BSN SSP  
RM300 x 1  
pemenang

2  
BSN SSP  
RM200 x 1  
pemenang

3  
BSN SSP  
RM100 x 1  
pemenang



Bagaimana? Mudah sahaja! Ikuti langkah berikut:

1. Ikuti TikTok @BSNMalaysia.
2. Muat naik video **anda mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh EB BSN** ke dalam aplikasi TikTok masing-masing;
3. Sertakan hashtag **#EjenBankBSN #BSNMalaysia** dan tag **@BSNMalaysia**
4. Tiga (3) peserta yang menghasilkan video paling unik dan menarik berpeluang untuk memenangi BSN SSP bernilai sehingga RM300!

Tarikh akhir penyertaan adalah pada 31 Januari 2022.

Pemilihan pemenang akan dibuat di akhir tempoh peraduan. Senarai pemenang akan diumumkan pada buletin EB BSN pada edisi yang akan datang.

Tertakluk pada terma dan syarat.



*Selamat  
Tahun Baru  
2022!*